

# BCNS biaya pelajar cemerlang

## Pelajar terbaik SPM 2011 antara penerima, bersyukur terima bantuan

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah  
thaddius@bharian.com.my

BH 15.06.2012 12

KOTA KINABALU: Pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011 dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Belud Dua, Syevester Liew, tidak lagi bimbang mengenai masa depannya apabila terpilih antara 25 penerima anugerah Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (BCNS), tahun ini.

Anak pasangan penjaga gereja dan suri rumah dari Kampung Kelawat, Kota Belud itu, pernah menyuarakan kebimbangan kerana keluarga tidak mampu membayai kos pengajiannya, namun bersyukur dan rasa ber-

tuah terpilih menerima biasiswa berkenaan.

“Tajaan ini menghilangkan rasa bimbang ibu bapa saya,” katanya yang bercita-cita menjadi ahli perubatan ketika ditemui selepas menerima BCNS daripada Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, di sini, semalam.

Kejayaan Syevester, 18, yang mendapat 12 A dalam SPM tahun lalu dan kini mengikuti program Asasi Sains di Universiti Malaysia Sabah (UMS), bukan saja menjadi kebanggaan keluarga, malah mendapat perhatian Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Abdul Rahman Dahlan, yang melawatnya, baru-baru ini.

Seorang lagi penerima BCNS,



Syevester Liew



Marcellina Majin

Marcellina Ping Majin, 18, berka-ta biasiswa berkenaan meningkatkan semangatnya untuk cemerlang dalam pengajian bidang perakaunan, sekali gus mengikut jejak ibu yang bekerja sebagai akauntan di sebuah bank.

Lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Labuan itu kini mengikuti program asasi perakaunan di Universiti Sunway, Kuala Lumpur.

Anugerah BCNS diperkenalkan Yayasan Sabah sejak 1990 bertujuan mengiktiraf pencapaian cemerlang pelajar negeri ini dalam SPM dan pendorong kepada calon peperiksaan itu untuk berusaha gigih mencapai kecemerlangan.